

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh:

Nama Produk: Pinjaman Matawang Asing Dalam Negeri ("OFCL")

[Tarikh dikeluarkan untuk diisi oleh kakitangan jualan]

1. Apakah produk ini?

Pinjaman Matawang Asing Dalam Negeri ("OFCL") ialah kemudahan pembiayaan jangka pendek dalam matawang asing ("FCY") yang diberikan untuk membiayai urus niaga perdagangan pelanggan. Kemudahan ini boleh diberikan untuk membiayai:

- i. Belian barangan dari bukan residen (import); dan/atau
- ii. Jualan barangan kepada bukan residen (eksport); dan/atau
- iii. Belian barangan dari residen (belian tempatan); dan/atau
- iv. Jualan barangan kepada residen (jualan tempatan).

2. Apakah kelebihan produk ini?

- Bagi pembiayaan import, pelanggan dapat membuat pembayaran kepada pembekal dan memanjangkan tempoh pembayaran melebihi terma invoice.
- Bagi pembiayaan eksport, pelanggan dapat menerima bayaran awal daripada hasil jualan dan menawarkan tempoh kredit yang lebih panjang kepada pelanggan.





Margin Pembiayaan	Sehingga 100% nilai Invoice
Tempoh Pembiayaan	Sehingga 6 bulan

3. Ketahui Tanggungjawab Anda

(A) Anda dikehendaki untuk membayar amaun yang perlu dibayar, faedah, komisen, fi, dan caj seperti di bawah:

Kadar Faedah	Kos Dana ("COF") mengikut matawang + Margin Keuntungan ("Spread") seperti yang tertera di dalam Surat Tawaran ("LO"). Dikira secara tahunan ("p.a.") berdasarkan bilangan hari sehingga tarikh matang.
Caj Pengendalian	RM 50.00 per transaksi
Caj Mesej SWIFT	Dari RM 25.00, bergantung kepada jumlah dan panjang mesej
Caj Kurier	Dari RM 25.00, bergantung kepada jarak
Sila rujuk Surat Tawaran anda dan laman web kami di www.maybank2u.com untuk fi dan caj yang terkini.	

(B) Tanggungjawab anda adalah untuk:

	Membaca, memahami, dan mematuhi terma and syarat seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran, <i>Maybank Transaction Banking Terms</i> , Borang Permohonan, dan sebarang perubahan yang dimaklumkan oleh kami dari masa ke semasa.
	Membayar amaun yang perlu dibayar termasuk faedah, komisen, fi, dan caj seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.
	Memberikan maklumat dan arahan yang jelas dan terperinci di dalam Borang Permohonan. Sila rujuk kepada www.maybank2u.com untuk Borang Permohonan terkini.
	Menghubungi kami dengan serta-merta sekiranya anda tidak mampu untuk membayar sebarang amaun yang perlu dibayar.

Contoh Pengiraan Faedah
(Faedah ditolak dari amaun pembiayaan):

Amaun Invois : USD 500,000.00

Tempoh Pembiayaan : 90 hari

Kadar Faedah:

Kos Dana USD 90 hari	4.26% p.a.
Margin Keuntungan	1.00% p.a.
Kadar Keseluruhan	4.26 + 1.00 = 5.26% p.a.

Amaun yang didahulukan kepada pelanggan / pembekal:

$$= 500,000 \times (1 - 5.26\% \times (90 / 360))$$

= USD 493,425.00

Amaun yang perlu dibayar pada tarikh matang :

= USD 500,000.00
Contoh Pengiraan Faedah
(Faedah dibayar semasa tarikh matang):

Amaun Invois : USD 500,000.00

Tempoh Pembiayaan : 90 hari

Kadar Faedah:

Kos Dana USD 90 hari	4.26% p.a.
Margin Keuntungan	1.00% p.a.
Kadar Keseluruhan	4.26 + 1.00 = 5.26% p.a.

Amaun yang didahulukan kepada pelanggan / pembekal:

= USD 500,000.00

Amaun yang perlu dibayar pada tarikh matang :

$$= 500,000 \times (1 + 5.26\% \times (90/360))$$

= USD 506,575.00
4. Ketahui Risiko Anda
Apakah risiko yang berkaitan dengan produk ini?

Sekiranya pelanggan gagal membayar amaun yang perlu dibayar pada tarikh matang:

- i. Akaun pelanggan dengan bank boleh didebit secara terus untuk menyelesaikan bil yang belum dibayar.
- ii. Pelanggan mungkin dikenakan sekatan daripada membuat permohonan selanjutnya di bawah kemudahan pembiayaan perdagangan mereka.
- iii. Sebarang jumlah yang belum dibayar selepas tarikh matang boleh dikenakan penalti pada Kadar Pinjaman Asas ("BLR") ditambah 2.5% setahun.

5. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan lanjut mengenai produk ini?

Hubungi kami di:

 1-300 88 6688 (Malaysia)
 +603-7844 3696 (Luar Negara)

E-mel kami di:

 Maybank Group Customer Care
mgcc@maybank.com.my

Kunjungi laman web kami di:
www.maybank2u.com
www.maybank2e.com

 Untuk maklumat lanjut mengenai produk kami, layari laman web kami di www.maybank2u.com.